

| | | | |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | Kadar tarif di Malaysia antara terendah rantau ASEAN | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 27 Jul 2017 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 125,514 |
| Page No | 13 | Readership | 947,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 192 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,593 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 19,779 |



Kadar tarif di Malaysia antara terendah rantau ASEAN

Kuala Lumpur: Tarif elektrik di Malaysia untuk segmen pengguna, kediaman, perindustrian dan komersial adalah antara yang terendah di rantau Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN).

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Kanan (Pembangunan Industri Elektrik dan Kawal Selia Pasaran) Suruhanjaya Tenaga, Ir Azhar Omar, berkata segmen kediaman menikmati tarif paling rendah kerana ia menerima subsidi lintang daripada sektor perindustrian dan komersial.

Bagaimanapun di negara maju, tarif untuk sektor industri adalah rendah, manakala untuk pengguna domestik pula tinggi.

"Tidak seperti negara lain yang lebih cenderung ke arah penggunaan komersial, manakala struktur tarif kita direka bentuk untuk tidak membeban, tetapi membantu rakyat," katanya kepada BERNAMA Radio dalam satu temu bual, baru-baru ini.

Pengguna terima rebat

Pada 2008 pengguna menerima rebat RM20 bagi bil elektrik bulanan mereka dan kerajaan menyerap caj untuk pengguna yang bil utiliti bulanan mereka kurang daripada RM20.

Setakat ini kerajaan membelanjakan RM1.049 bilion dalam pemberian rebat itu, kata Azhar.

Menurutnya, bagi membantu golongan berpendapatan rendah, kerajaan juga memberi subsidi kepada pengguna dalam pelbagai cara selain rebat.

"Kos ini terus meningkat dan kita perlu berfikir bagaimana mendapatkan wang untuk membayar kepada mereka. Ketika ini

dana itu diperoleh daripada pengeluar tenaga bebas yang menandatangani perjanjian pembelian tenaga dengan Suruhanjaya Tenaga," katanya.

Menurutnya, daripada RM1.8 bilion dalam penjimatan daripada rundingan semula, suruhanjaya itu sudah gunakan sehingga RM1.3 bilion.

"Tidak banyak yang tinggal. Oleh itu pada masa depan, kita mungkin mengenakan surcaj (jika harga bahan mentah terus meningkat atau dalam keadaan kadar pertukaran yang tidak menggalakkan) dan bukan lagi memberi rebat," kata Azhar.

Menurut beliau, fungsi Suruhanjaya Tenaga adalah untuk mengawal selia industri bekalan elektrik negara dengan memberi tumpuan kepada tiga perkara, iaitu bekalan elektrik berdaya harap, kos yang munasabah dan selamat digunakan.



Struktur tarif kita direka bentuk untuk tidak membeban, tetapi membantu rakyat"

Ir Azhar Omar,

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Kanan (Pembangunan Industri Elektrik dan Kawal Selia Pasaran) Suruhanjaya Tenaga